- (b) Malaysia to grant to nationals of the Philippines not resident in Malaysia those personal allowances, reliefs and reductions for tax purposes which are by law available on the date of signature of this Agreement only to nationals of Malaysia who are not resident in Malaysia.

5. Nothing in this Article shall be construed so as to prevent either Contracting State from limiting to its nationals the enjoyment of tax incentives designed to promote economic development in that State.

6. Nothing in this Agreement shall be construed as preventing the Philippines from taxing its citizens, who are residents of Malaysia, in accordance with its domestic legislation. No credit shall be given by Malaysia for such taxes paid.

7. In this Article, the term "taxation" means taxes which are the subject of this Agreement.

Article 24

MUTUAL AGREEMENT PROCEDURE

1. Where a resident of a Contracting State considers that the actions of one or both of the Contracting States result or will result for him in taxation not in accordance with this Agreement, he may, notwithstanding the remedies provided by the taxation laws of those States, present his case to the competent authority of the State of which he is a resident or, if his case comes under paragraph 1 of Article 23, to that of the State of which he is a national. The case must be presented within three years from the first notification of the action resulting in taxation not in accordance with the provisions of the Agreement.

2. The competent authority shall endeavour, if the objection appears to it to be justified and if it is not itself able to arrive at an appropriate solution, to resolve the case by mutual agreement with the competent authority of the other Contracting State, with a view to the avoidance of taxation which is not in accordance with the Agreement.

3. The competent authorities of the Contracting States shall endeavour to resolve by mutual agreement any difficulties or doubts arising as to the inter-

pretation or application of the Agreement. They may also consult together for the elimination of double taxation in cases not provided for in the Agreement.

4. The competent authorities of the Contracting States may communicate with each other directly for the purpose of reaching an agreement in the sense of the preceding paragraphs.

Article 25

EXCHANGE OF INFORMATION

1. The competent authorities of the Contracting States shall exchange such information as is necessary for the carrying out of this Agreement or for the prevention or detection of evasion or avoidance of taxes covered by this Agreement. Any information so exchanged shall be treated as secret and shall not be disclosed to any persons or authorities other than those (including a Court or reviewing authority) concerned with the assessment, collection or enforcement of the taxes which are the subject of the Agreement or the determination of appeals in relation thereto.

2. In no case shall the provisions of paragraph 1 be construed so as to impose on a Contracting State the obligation:

- (a) to carry out administrative measures at variance with the laws or the administrative practice of that or of the other State;
- (b) to supply particulars which are not obtainable under the laws or in the normal course of the administration of that or of the other State;
- (c) to supply information which would disclose any trade, business, industrial, commercial or professional secret, trade process, or information the disclosure of which would be contrary to public policy.

Article 26

DIPLOMATIC AND CONSULAR OFFICERS

Nothing in this Agreement shall affect the fiscal privileges of diplomatic or consular officials under the general rules of international law or under the provisions of special agreements.

Article 27

ENTRY INTO FORCE

1. This Agreement shall be ratified and the instruments of ratification shall be exchanged at as soon as possible.

2. This Agreement shall enter into force upon the exchange of the instruments of ratification and shall have effect:

(a) in respect of tax withheld or deducted at source on income paid to non-residents on or after the 1st day of January in the calendar year following that in which the exchange of instruments of ratification takes place; and

(b) in all other cases, in respect of tax for the taxation year or year of assessment beginning on the 1st day of January of the calendar year immediately following the year in which the exchange of instruments of ratification takes place, and subsequent taxation years or years of assessment.

Article 28

TERMINATION

This Agreement shall remain in effect indefinitely, but either Contracting State may terminate the Agreement, through diplomatic channels, by giving to the other Contracting State written notice of termination on or before June 30 in any calendar year from the fourth year from the year in which the Agreement entered into force. In such an event the Agreement shall cease to have effect:

- (a) in respect of tax withheld or deducted at source on income paid to non-residents on or after the 1st day of January in the calendar year following that in which the notice is given; and
- (b) in all other cases, in respect of tax for the taxation year or year of assessment beginning on the 1st day of January of the calendar year following that in which the notice is given.

IN WITNESS whereof the undersigned, duly authorised thereto, by their respective Governments, have signed this Agreement.

DONE in duplicate at *Manila* this
27th day of *April* 1982 each in Bahasa Malaysia and the English language, both texts being equally authentic.

On behalf of the Government
of the Republic of the Philippines:

*Cesar Virata*¹

On behalf of the Government
of Malaysia:

*Tengku Razaleigh Hamzah*²

¹ Cesar Virata.

² Tengku Razaleigh Hamzah.

PROTOCOL

1. At the time of signing the Agreement between the Government of the Republic of the Philippines and the Government of Malaysia for the Avoidance of Double Taxation and the Prevention of Fiscal Evasion with respect to Taxes on Income, both Governments have agreed that the following provisions shall form an integral part of the Agreement:

2. In connection with Article 7 "Business Profits":

Nothing in this Agreement shall affect the operation of any law of a Contracting State relating to the taxation of income or profits from any insurance business provided that if the relevant law in force in either Contracting State at the date of signature of this Agreement is amended (otherwise than in minor respects so as not to affect its general character) the States shall consult with each other with a view to agreeing to any amendment of this paragraph that may be appropriate.

3. In connection with Article 10 "Dividends":

A. The Philippine tax on remittances of profits of a branch to its head office shall not exceed 15 per cent of the amount remitted.

B. Article VII of the Agreement between the Government of Malaysia and the Government of the Republic of Singapore for the Avoidance of Double Taxation and the Prevention of Fiscal Evasion with respect to Taxes on Income signed in Singapore on 26th December, 1968, shall be taken into consideration.


4. In connection with Article 11 "Interest":

The term "approved loan" means any loan or other indebtedness approved by the competent authority of Malaysia as being made or incurred for the purpose of financing development projects or for the purchase of capital equipment for development projects in Malaysia. The term "long-term loan" means any loan made or funds deposited as defined in Section 2 of the Income Tax Act, 1957 of Malaysia.


IN WITNESS whereof the undersigned, duly authorised thereto, by their respective Governments, have signed this Protocol.

DONE in duplicate at *Manila* this
27th day of *April* 1982 each in Bahasa Malaysia and
the English language, both texts being equally authentic.

On behalf of the Government
of the Republic of the Philippines:



On behalf of the Government
of Malaysia:



¹ Cesar Virata.

² Tengku Razaleigh Hamzah.

[MALAY TEXT — TEXTE MALAIS]

**PERJANJIAN ANTARA KERAJAAN REPUBLIK FILIPINA DAN
KERAJAAN MALAYSIA BAGI MENGELOKKAN CUKAI DUA
KALI DAN MENCEGAH PELARIAN FISKAL BERKENAAN
DENGAN CUKAI-CUKAI ATAS PENDAPATAN**

Kerajaan Republik Filipina dan Kerajaan Malaysia dengan hasrat hendak membuat suatu Perjanjian bagi mengelakkan cukai dua kali dan mencegah pelarian fiskal berkenaan dengan cukai-cukai atas pendapatan, telah bersetuju seperti berikut:

Perkara 1**Bidang Diri**

Perjanjian ini hendaklah dipakai bagi orang-orang yang menjadi pemastautin satu daripada atau kedua-dua Negara Berjanji.

Perkara 2**Cukai-Cukai Yang Diliputi**

1. Perjanjian ini hendaklah dipakai bagi cukai-cukai atas pendapatan yang dikenakan oleh suatu Negara Berjanji, tidak kira cara bagaimana cukai-cukai dilevi.
2. Cukai-cukai yang menjadi hal-perkara Perjanjian ini ialah:-
 - (a) di Malaysia:
 - (i) cukai pendapatan dan cukai untung berlebihan;
 - (ii) cukai pendapatan tambahan, iaitu, cukai keuntungan timah, cukai pembangunan dan cukai keuntungan kayu; dan
 - (iii) cukai pendapatan petroleum; (kemudian daripada ini disebut "cukai Malaysia");
 - (b) di Filipina:

cukai-cukai pendapatan, termasuk cukai pembangunan syarikat dan cukai kiriman untung cawangan, yang dikenakan di bawah Tajuk II Kanun Hasil Dalam Negeri Kebangsaan Filipina, sebagaimana dipinda, dan segala cukai lain atas pendapatan yang dikenakan oleh

Kerajaan Republik Filipina (kemudian daripada ini disebut "cukai Filipina").

3. Perjanjian ini hendaklah juga dipakai bagi apa-apa cukai atas pendapatan yang serupa atau yang sebahagian besarnya sama dengan cukai-cukai atas pendapatan yang dikenakan selepas tarikh Perjanjian ini ditandatangani sebagai tambahan kepada, atau sebagai ganti, cukai-cukai yang sedia ada. Pihak-pihak berkuasa yang kompeten bagi Negara-negara Berjanji hendaklah memberitahu satu sama lain apa-apa perubahan penting yang telah dibuat dalam undang-undang percukaian mereka masing-masing.

Perkara 3

Takrif Am

1. Dalam Perjanjian ini, melainkan jika handungan ayatnya menghendaki makna yang lain:

- (a) istilah "Malaysia" ertinya Persekutuan Malaysia dan termasuk mana-mana kawasan yang bersempadan dengan perairan wilayah bagi Malaysia yang, menurut undang-undang antarabangsa, telah atau mungkin kemudian daripada ini ditetapkan di bawah undang-undang Malaysia mengenai Pelantar Benua sebagai suatu kawasan yang di dalamnya Malaysia boleh menjalankan hak-hak berkenaan dengan dasar laut dan tanah-tanah dan hasil-hasil buminya;
- (b) istilah "Filipina" ertinya Republik Filipina dan apabila digunakan mengikut erci kata dari segi geographi ertinya wilayah negara yang mengandungi Republik Filipina;
- (c) istilah "suatu Negara Berjanji" dan "Negara Berjanji yang satu lagi itu" ertinya Malaysia atau Filipina, sebagaimana yang dikehendaki oleh kandungan ayatnya;
- (d) istilah "orang" termasuk seorang individu, suatu harta pesaka, suatu badan amanah, suatu syarikat dan mana-mana kumpulan orang lain yang disifatkan sebagai suatu entiti bagi maksud-maksud cukai;
- (e) istilah "syarikat" ertinya sesuatu pertubuhan perbadanan atau sesuatu entiti yang disifatkan sebagai suatu pertubuhan perbadanan bagi maksud-maksud cukai;
- (f) istilah "enterprais suatu Negara Berjanji" dan "enterprais Negara Berjanji yang satu lagi itu" masing-masing ertinya suatu enterprais yang dijalankan oleh seorang pemastautin bagi suatu Negara Berjanji dan suatu enterprais yang dijalankan oleh seorang pemastautin bagi Negara Berjanji yang satu lagi itu;

- (g) istilah "cukai" ertinya cukai Malaysia atau cukai Filipina, sebagaimana yang di kehendaki oleh kandungan ayatnya;
- (h) istilah "rakyat" ertinya:
 - (i) mana-mana individu yang memiliki kewarganegaraan suatu Negara Berjanji;
 - (ii) mana-mana orang di sisi undang-undang, perkongsian, persatuan dan mana-mana entiti lain yang memperolehi statusnya sebagai sedemikian itu dari undang-undang yang berkuatkuasa dalam suatu Negara Berjanji;
- (i) istilah "lalulintas antarabangsa" ertinya apa-apa pengangkutan oleh suatu Kapal atau kapaludara yang dikendalikan oleh enterpris suatu Negara Berjanji, kecuali jika kapal atau kapaludara itu dikendalikan semata-mata antara tempat-tempat dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu.
- (j) istilah "pihakberkuasa yang kompeten" ertinya:
 - (i) berkenaan dengan Malaysia, Menteri Kewangan atau wakilnya yang diberikuasa;
 - (ii) berkenaan dengan Filipina, Menteri Kewangan atau wakilnya yang diberikuasa.

2. Berkenaan dengan pemakaian Perjanjian ini oleh suatu Negara Berjanji, apa-apa istilah yang tidak ditakrifkan selainnya hendaklah, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain, mempunyai erti yang sama seperti di bawah undang-undang Negara Berjanji itu berkenaan dengan cukai-cukai yang menjadi hal-perkara Perjanji ini.

Perkara 4

Kemastautinan

1. Bagi maksud-maksud Perjanjian ini, istilah "pemastautin bagi suatu Negara Berjanji" ertinya -

- (a) berkenaan dengan Malaysia, seseorang yang bermastautin dalam Malaysia bagi maksud-maksud cukai Malaysia; dan
- (b) berkenaan dengan Filipina, seseorang yang bermastautin dalam Filipina bagi maksud-maksud cukai Filipina.

2. Jika oleh sebab peruntukan-peruntukan perenggan 1, seorang individu adalah pemastautin bagi kedua-dua Negara Berjanji maka tarafnya hendaklah ditentukan mengikut kaedah-kaedah yang berikut:-

- (a) ia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin bagi Negara di mana ia mempunyai rumahtangga tetap yang boleh digunakan olehnya. Jika ia mempunyai rumahtangga tetap yang boleh digunakan olehnya di kedua-dua Negara, ia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin bagi Negara yang dengannya perhubungan peribadi dan ekonominya adalah lebih rapat (pusat kepentingan yang perlu);
- (b) jika Negara di mana ia mempunyai pusat kepentingannya yang perlu tidak dapat ditentukan, atau jika ia mempunyai rumahtangga tetap yang boleh digunakan olehnya di mana-mana satu Negara, ia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin bagi Negara di mana ia mempunyai tempat tinggal yang lazim;
- (c) jika ia mempunyai tempat tinggal yang lazim di kedua-dua Negara atau tidak mempunyai tempat tinggal yang lazim di mana-mana satu Negara itu, ia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin bagi Negara yang mana ianya adalah seorang rakyat Negara itu;
- (d) jika ianya seorang rakyat bagi kedua-dua Negara atau bukannya rakyat bagi mana-mana satu Negara itu, pihak-pihak berkuasa yang kompeten bagi Negara-negara Berjanji hendaklah menyelesaikan soal itu dengan persetujuan bersama.

3. Jika, oleh sebab peronggan 1, seseorang lain daripada seorang individu adalah pemastautin bagi kedua-dua Negara Berjanji, maka pihak-pihak berkuasa yang kompeten bagi Negara-negara Berjanji hendaklah berusaha menyelesaikan soal itu dengan persetujuan bersama dengan memberi perhatian terhadap pengurusannya hari ke hari, tempat di mana ia diperbadankan atau sebaliknya ditubuhkan dan apa-apa faktor lain yang berkaitan.

Perkara 5

Establisymen Tetap

1. Bagi maksud-maksud Perjanjian ini, istilah "establisymen tetap" ertinya suatu tempat perniagaan yang tetap di mana kesemua atau sebahagian dari perniagaan enterprais itu dijalankan.
2. Istilah "establisymen tetap" hendaklah termasuk terutama sekali:
 - (a) suatu tempat pengurusan;
 - (b) suatu cawangan;
 - (c) suatu pejabat;
 - (d) suatu kilang;
 - (e) suatu woksyp;
 - (f) suatu lombong, suatu telaga minyak atau gas, suatu kuari atau lain-lain tempat pengeluaran hasil bumi termasuklah kayu atau lain-lain keluaran hutan;

- (g) suatu kebun atau ladang;
- (h) suatu tapakbina bangunan atau projek binaan, pemasangan atau pasangan yang sedia ada selama lebih daripada 6 bulan.

3. Istilah "establisymen tetap" tidak boleh disifatkan sebagai termasuk:

- (a) penggunaan kemudahan-kemudahan semata-mata bagi maksud penyimpanan, pameran atau penyerahan barang-barang atau dagangan kepunyaan enterprais itu;
- (b) penyenggaraan suatu stok barang-barang atau dagangan kepunyaan enterprais itu semata-mata bagi maksud penyimpanan, pameran atau penyerahan;
- (c) penyenggaraan suatu stok barang-barang atau dagangan kepunyaan enterprais itu semata-mata bagi maksud diproses oleh suatu enterprais yang lain;
- (d) penyenggaraan suatu tempat perniagaan yang tetap semata-mata bagi maksud membeli barang-barang atau dagangan, atau bagi mengumpul maklumat, untuk enterprais itu;
- (e) penyenggaraan suatu tempat perniagaan yang tetap semata-mata bagi maksud pengiklanan, untuk memberi maklumat, bagi penyelidikan sains atau bagi aktiviti-aktiviti yang seumpamanya yang bersifat persediaan atau tambahan, untuk enterprais itu.

4. Sesuatu enterprais bagi suatu Negara Berjanji hendaklah disifatkan sebagai mempunyai suatu establisymen tetap dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu jika:

- (a) ia menjalankan aktiviti-aktiviti penyeliaan dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu selama lebih daripada 6 bulan berkaitan dengan projek binaan, pemasangan atau projek pasangan yang dijalankan dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu; atau
- (b) sebahagian besar daripada kelengkapan dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu sedang di guna atau dipasangkan oleh, untuk atau di bawah kontrak dengan, enterprais itu.

5. Seseorang (lain daripada seorang broker, ejen komisen am atau mana-mana ejen lain yang bertaraf bebas yang baginya perenggan 6 dipakai) yang bertindak dalam suatu Negara Berjanji bagi pihak suatu enterprais bagi Negara Berjanji yang satu lagi itu hendaklah disifatkan sebagai suatu establisymen tetap dalam Negara Berjanji yang mula-mula disebut itu, jika:

- (a) ia mempunyai, dan lazimnya menjalankan dalam Negara Berjanji yang mula-mula disebut itu, suatu kuasa bagi membuat kontrak-kontrak atas nama enterprais itu, melainkan jika aktiviti-aktivitinya adalah terhad kepada membeli barang-barang atau dagangan untuk enterprais itu;

- (b) ia menyenggara dalam Negara Berjanji yang mula-mula disebut itu suatu stok barang-barang atau dagangan kepunyaan enterprais itu dari mana ia lazimnya menyerahkan barang-barang atau dagangan bagi pihak enterprais itu;
- (c) ia mengilang atau memproses barang-barang atau dagangan kepunyaan enterprais itu dalam Negara yang mula-mula disebut itu untuk enterprais itu.

6. Sesuatu enterprais bagi suatu Negara Berjanji tidak boleh disifatkan sebagai mempunyai suatu establisymen tetap dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu semata-mata oleh kerana ia menjalankan perniagaan dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu melalui seorang broker, ejen komisen am atau mana-mana ejen lain yang bertaraf bebas, jika orang-orang itu bertindak dalam perjalanan biasa perniagaan mereka.

Bagaimanapun, jika aktiviti-aktiviti seseorang ejen ditumpukan sepenuhnya atau hampir sepenuhnya bagi pihak enterprais itu, ia tidak boleh dianggapkan sebagai seorang ejen yang bertaraf bebas jika transaksi-transaksi antara ejen dan enterprais tidak dijalankan dengan bebas dari pengaruh.

7. Pada hakikatnya sesuatu syarikat yang pemastautin bagi suatu Negara Berjanji mengawal atau dikawal oleh suatu syarikat yang pemastautin bagi Negara Berjanji yang satu lagi itu, atau yang menjalankan perniagaan dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu (sama ada melalui suatu establisymen tetap atau selainnya) tidak dengan sendirinya menjalankan mana-mana satu syarikat itu suatu establisymen tetap bagi syarikat yang satu lagi itu.

Perkara 6

Pendapatan Dari Harta Takalih

1. Pendapatan yang diperolehi oleh seorang pemastautin bagi suatu Negara Berjanji dari harta takalih yang terletak di Negara Berjanji yang satu lagi itu boleh dicukai dalam Negara yang satu lagi itu.

2. Bagi maksud-maksud Perjanjian ini istilah "harta takalih" hendaklah ditakrifkan mengikut undang-undang Negara Berjanji di mana terletakinya harta berkenaan itu. Istilah itu hendaklah bagaimanapun termasuk harta yang menyertai harta takalih, ternakan dan kelengkapan yang digunakan dalam pertanian dan kehutanan, hak-hak yang baginya peruntukan-peruntukan undang-undang am berkenaan dengan harta tanah dipakai, hak bagi menikmati harta takalih dan hak-hak terhadap bayaran-bayaran berubah atau tetap sebagai balasan bagi mengusahakan atau hak untuk mengusahakan, longgokan mineral, telaga minyak atau telaga gas, kuari-kuari dan lain-lain tempat pengeluaran hasil bumi termasuklah kayu atau lain-lain keluaran hutan, Kapal, bot dan kapaludara tidak boleh dianggap sebagai harta takalih.

3. Peruntukan-peruntukan perenggan 1 hendaklah dipakai bagi pendapatan yang diperolehi dari penggunaan secara langsung, penyewaan atau penggunaan harta takalih dengan apa-apa cara lain.

4. Peruntukan-peruntukan perenggan 1 dan 3 hendaklah juga dipakai bagi pendapatan daripada harta takalih sesuatu enterprais dan bagi pendapatan daripada harta takalih yang digunakan bagi pelaksanaan perkhidmatan-perkhidmatan profesional.

Perkara 7

Keuntungan Perniagaan

1. Keuntungan sesuatu enterprais bagi suatu Negara Berjanji boleh dikenakan cukai hanya dalam Negara Berjanji itu sahaja, melainkan jika enterprais itu menjalankan perniagaan di Negara Berjanji yang satu lagi itu melalui suatu establisymen tetap yang terletak di dalamnya. Jika enterprais itu menjalankan perniagaan seperti yang tersebut di atas, maka keuntungan enterprais itu boleh dikenakan dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu tetapi hanya di atas sekian banyak yang boleh dikaitkan dengan establisymen tetap itu.
2. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan perenggan 3, jika suatu enterprais bagi suatu Negara Berjanji menjalankan perniagaan dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu melalui suatu establisymen tetap yang terletak di dalamnya, maka hendaklah dalam tiap-tiap satu Negara Berjanji dikaitkan dengan establisymen tetap itu keuntungan yang dijangka mungkin diperolehi olehnya jika ia adalah suatu enterprais yang berlainan dan berasingan yang menjalankan aktiviti-aktiviti yang sama atau serupa di bawah keadaan-keadaan yang sama atau serupa dan menyelenggarakan urusan dengan sepenuh kebebasan dengan enterprais yang mana ianya adalah suatu establisymen tetap.
3. Pada menentukan keuntungan suatu establisymen tetap, maka hendaklah dibenarkan sebagai potongan semua belanja termasuk belanja-belanja menjalankan kerja dan pentadbiran yang boleh ditolak jika establisymen tetap itu adalah suatu enterprais bebas, setakat mana belanja-belanja itu boleh diperuntukkan secara menasabah kepada establisymen tetap itu, sama ada ditanggung dalam Negara Berjanji di mana establisymen tetap itu terletak atau di tempat lain.
4. Walau apa pun peruntukan-peruntukan perenggan 3, maka hendaklah jangan dibenarkan apa-apa potongan bagi bayaran yang dibuat oleh establisymen tetap ke ibu pejabat atau mana-mana bahagian lain enterprais itu, dengan jalan royalti, fee atau lain-lain bayaran yang serupa itu bagi mengguna hakcipta atau lain-lain hak, dengan jalan komisen bagi perkhidmatan-perkhidmatan tertentu yang dilaksanakan atau bagi pengurusan atau (kecuali mengenai suatu enterprais urusan bank) dengan jalan bunga atas wang yang dipinjamkan kepada establisymen tetap, melainkan jika bayaran-bayaran itu mengganti bayar belanja-belanja yang sebenarnya di lakukan oleh enterprais itu.
5. Walau apa pun peruntukan-peruntukan perenggan-perenggan 1 dan 2, pada menentukan keuntungan suatu establisymen tetap amaun-amaun yang diterima oleh establisymen tetap daripada ibu pejabat atau mana-mana bahagian lain enterprais itu dengan jalan royalti-royalti, fee atau lain-lain bayaran yang serupa itu bagi menggunakan hakcipta atau lain-lain hak, dengan jalan komisen bagi perkhidmatan-perkhidmatan tertentu yang dilaksanakan atau bagi pengurusan atau (kecuali mengenai suatu enterprais urusan bank) dengan jalan bunga atas wang yang dipinjamkan kepada ibu pejabat atau mana-mana bahagian lain enterprais itu tidak akan termasuk dalam penerimaan establisymen tetap itu, kecuali setakat mana ianya merupakan bayaran ganti belanja-belanja yang telah dilakukannya dengan sebenarnya.
6. Tiada apa-apa jua keuntungan boleh dikaitkan dengan suatu establisymen tetap semata-mata oleh sebab establisymen tetap itu membeli barang-barang atau dagangan untuk enterprais itu.
7. Jika keuntungan termasuk butiran-butiran pendapatan yang diselenggarakan secara berasingan dengan Perkara-perkara lain dalam Perjanjian ini, maka

peruntukan-peruntukan Perkara-perkara lain itu tidaklah tersentuh oleh peruntukan-peruntukan perkara ini.

Perkara 8

Perkapalan dan Pengangkutan Udara

1. Cukai yang kena dibayar dalam suatu Negara Berjanji oleh seorang pemastautin bagi Negara Berjanji yang satu lagi itu mengenai keuntungan dari pengendalian kapal atau kapaludara dalam lalulintas antarabangsa tidak boleh lebih daripada yang terkurang daripada:

- (a) 1} peratus daripada hasil kasar yang diperolehi dari sumber-sumber dalam Negara itu; dan
- (b) kadar cukai Filipina yang rendah sekali yang boleh dikenakan atas keuntungan dari jenis yang sama yang diperolehi di bawah hal-hal keadaan yang serupa oleh seorang pemastautin Negara ketiga.

2. Perenggan 1 hendaklah juga dipakai bagi bahagian keuntungan dari pengendalian kapal atau kapaludara yang diperolehi oleh seorang pemastautin Negara Berjanji melalui penyertaan dalam suatu kumpulan, suatu perniagaan bersama atau suatu agensi pengendalian antarabangsa.

Perkara 9

Enterprais Bersekutu

Jika

- (a) suatu enterprais bagi suatu Negara Berjanji menyertai secara langsung atau secara tak-langsung dalam pengurusan, pengawalan atau modal suatu enterprais bagi Negara Berjanji yang satu lagi itu, atau
- (b) orang-orang yang sama menyertai secara langsung atau secara taklangsung dalam pengurusan, pengawalan atau modal suatu enterprais bagi satu Negara Berjanji dan suatu enterprais bagi Negara Berjanji yang satu lagi itu,

dan dalam mana-mana satu hal itu syarat-syarat adalah dibuat atau dikenakan antara kedua-dua enterprais itu dalam hubungan perdagangan atau kewangannya yang berlainan daripada syarat-syarat yang akan dibuat antara enterprais-enterprais bersendirian, maka apa-apa keuntungan yang sepatutnya, jika tidak kerana syarat-syarat itu, telah terakru kepada satu daripada enterprais-enterprais itu, tetapi, oleh kerana syarat-syarat itu, tidak terakru sedemikian boleh dimasukkan dalam keuntungan enterprais itu dan dicukai dengan sewajarnya.

Perkara 10

Dividen-Dividen

1. Dividen-dividen yang dibayar oleh suatu syarikat yang menjadi pemastautin suatu Negara Berjanji kepada seorang pemastautin Negara Berjanji yang satu lagi itu boleh dicukai dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu.
2. Dividen-dividen yang dibayar oleh suatu syarikat yang menjadi pemastautin Filipina kepada seorang pemastautin Malaysia yang tertakluk kepada cukai di Malaysia mengenai dividen-dividen itu, boleh dicukai di Filipina mengikut undang-undang Filipina tetapi jika penerima itu ialah pemunya benefisyal dividen itu maka cukai yang dicaj sedemikian itu tidak boleh melebihi:
 - (i) 15 peratus daripada amaun kasar dividen itu jika penerima itu ialah suatu syarikat;
 - (ii) 25 peratus daripada amaun kasar dividen-dividen itu dalam segala hal lain.
3. Dividen-dividen yang dibayar oleh suatu syarikat yang menjadi pemastautin Malaysia kepada seorang pemastautin Filipina yang menjadi pemunya benefisyal dividen-dividen itu dan yang tertakluk kepada cukai Filipina mengenainya hendaklah dikecualikan daripada apa-apa cukai di Malaysia yang boleh dicaj atas dividen-dividen sebagai tambahan kepada cukai yang boleh dicajkan atas pendapatan syarikat itu: Dengan syarat bahawa tiada apa-apa jua dalam perenggan ini boleh menyentuh peruntukan-peruntukan undang-undang Malaysia yang dibawahnya cukai berkenaan dengan suatu dividen yang dibayar oleh suatu syarikat yang menjadi pemastautin Malaysia dan dari dividen itu cukai Malaysia telah, atau disifatkan telah dipotong boleh diselaraskan mengikut kadar cukai yang sesuai dengan tahun taksiran Malaysia selepas sahaja tahun taksiran dalam mana dividen itu telah dibayar.
4. Peruntukan-peruntukan perenggan-perenggan 1, 2 dan 3 tidak boleh dipakai jika penerima dividen-dividen itu, yang menjadi pemastautin suatu Negara Berjanji, mempunyai di Negara Berjanji yang satu lagi itu di mana syarikat yang membayar dividen-dividen itu adalah pemastautin, suatu establishments tetap yang bersangkutan secara berkesan dengan pemegangannya yang oleh sebabnya dividen-dividen itu dibayar. Dalam hal yang sedemikian, peruntukan-peruntukan Perkara 7 hendaklah dipakai.
5. Jika suatu syarikat yang menjadi pemastautin suatu Negara Berjanji memperoleh pendapatan atau keuntungan daripada Negara Berjanji yang satu lagi itu, maka Negara Berjanji yang satu lagi itu tidak boleh mengenakan apa-apa cukai atas dividen-dividen yang dibayar oleh syarikat itu kepada orang-orang yang bukannya pemastautin Negara Berjanji yang satu lagi itu, atau mengenakan cukai keuntungan tak agih ke atas keuntungan tak agih syarikat itu, meskipun dividen-dividen yang dibayar atau keuntungan tak agih itu mengandungi kesemuanya atau sebahagiannya daripada pendapatan atau keuntungan yang terbit dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu.
6. Perkataan "dividen-dividen" sebagaimana digunakan dalam Perkara ini ertinya pendapatan dari syer-syer atau lain-lain hak (yang bukannya tuntutan hutang) menyertai dalam pendapatan atau keuntungan dan juga pendapatan dari lain-lain hak perbadanan yang diasimilasikan dengan pendapatan dari syer-syer mengikut undang-undang percukaian Negara Berjanji yang mana syarikat yang membuat pengagihan itu adalah seorang pemastautin.

Perkara 11

Bunga

1. Bunga yang terbit dalam suatu Negara Berjanji dan dibayar kepada seseorang pemastautin bagi Negara Berjanji yang satu lagi itu boleh dicukai dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu.

2. Walau bagaimanapun, bunga itu boleh dicukai dalam Negara Berjanji di mana bunga itu terbit dan mengikut undang-undang negara itu, tetapi jika penerima itu ialah pemunya benefisyal kepentingan itu maka cukai yang dicaj sedemikian tidak boleh melebihi 15 peratus daripada amaun kasar bunga itu.

3. Walau apa pun peruntukan-peruntukan perenggan 2, bunga yang di bayar kepada seorang pemastautin Filipina atas suatu pinjaman yang diluluskan atau suatu pinjaman jangka-panjang hendaklah dikecualikan daripada cukai Malaysia.

4. Walau apa pun peruntukan-peruntukan perenggan-perenggan 2 dan 3, Kerajaan suatu Negara Berjanji hendaklah dikecualikan daripada cukai di Negara Berjanji yang satu lagi itu mengenai bunga yang diperolehi oleh Kerajaan dari Negara yang satu lagi itu.

5. Bagi maksud-maksud perenggan 4, perkataan "Kerajaan" -

(a) berkenaan dengan Malaysia ertinya Kerajaan Malaysia dan hendaklah termasuk:

- i) kerajaan-kerajaan Negeri;
- ii) pihak-pihak berkuasa tempatan;
- iii) Bank Negara Malaysia;
- iv) mana-mana institusi, yang modalnya dipunyai sepenuhnya oleh Kerajaan Malaysia atau mana-mana Kerajaan Negeri atau mana-mana pihak berkuasa tempatan, sebagaimana yang dipersetujui dari semasa ke semasa antara pihak-pihak berkuasa yang kompeten kedua-dua Negara Berjanji;

(b) berkenaan dengan Filipina, ertinya Kerajaan Republik Filipina dan hendaklah termasuk:

- i) Bank Negara Filipina;
- ii) mana-mana institusi, yang modalnya dipunyai sepenuhnya oleh Kerajaan Republik Filipina, sebagaimana yang dipersetujui dari semasa ke semasa antara pihak-pihak berkuasa yang kompeten kedua-dua Negara Berjanji.

6. Perkataan "bunga" sebagaimana digunakan dalam Perkara ini ertinya pendapatan dan segala sekuriti, bon atau dibentur Kerajaan, sama ada atau tidak dicagarkan dengan gadaijanji dan sama ada atau tidak memegang hak untuk menyertai dalam keuntungan-keuntungan dan tiap-tiap jenis tuntutan hutang dan juga segala pendapatan lain yang diasimilasikan dengan pendapatan dari wang yang dipinjamkan mengikut

undang-undang percukaian bagi Negara Berjanji di mana terbitnya pendapatan itu.

7. Peruntukan-peruntukan perenggan-perenggan 1, 2 dan 3 tidak boleh dipakai jika pemunya benefisyal kepentingan itu, yang menjadi seorang pemastautin bagi suatu Negara Berjanji menjalankan perniagaan di Negara Berjanji yang satu lagi itu di mana bunga itu terbit melalui suatu establisymen tetap yang terletak di dalamnya, dan tuntutan hutang yang mengenainya bunga itu dibayar ada bersangkutan secara berkesan dengan establisymen tetap itu. Dalam hal yang sedemikian, peruntukan-peruntukan perkara 7 hendaklah dipakai.

8. Bunga hendaklah disifatkan sebagai terbit dalam suatu Negara Berjanji jika pembayar bunga itu adalah Negara Berjanji itu sendiri, suatu bahagian-kecil politik, suatu pihak berkuasa tempatan atau badan berkanun, atau pemastautin bagi Negara Berjanji. Walau bagaimanapun, jika orang yang membayar bunga itu, sama ada ia seorang pemastautin bagi suatu Negara Berjanji atau bukan, mempunyai dalam suatu Negara Berjanji suatu establisymen tetap yang berkenaan dengannya hutang yang dari mana bunga itu dibayar telah dilakukan, dan bunga itu ditanggung oleh establisymen tetap itu, maka bunga itu hendaklah disifatkan sebagai terbit dalam Negara Berjanji di mana establisymen tetap itu terletak.

9. Jika, oleh kerana suatu perhubungan khas antara pembayar dengan penerima atau antara kedua-dua mereka dengan seseorang lain, amaun bunga yang dibayar, dengan memberi perhatian kepada tuntutan hutang yang baginya bunga itu dibayar, adalah lebih daripada amaun yang tentu akan dipersetujui oleh pembayar dan penerima jika tidak ada perhubungan itu, maka peruntukan-peruntukan Perkara ini hendaklah dipakai hanya bagi amaun bagi disebut terakhir itu sahaja. Dalam hal yang sedemikian, bahagian bayaran yang berlebihan daripada bayaran itu hendaklah tetap kena cukai mengikut undang-undang tiap-tiap satu Negara Berjanji, dengan memberi perhatian yang sewajarnya kepada peruntukan-peruntukan yang lain dalam Perjanjian ini.

Perkara 12

Royalti-Royalti

1. Royalti-royalti yang terbit dalam suatu Negara Berjanji dan dibayar kepada seseorang pemastautin bagi Negara Berjanji yang satu lagi itu boleh dicukai dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu, jika pemastautin itu ialah pemunya benefisyal royalti-royalti itu.

2. Royalti-royalti boleh juga dicukaikan dalam Negara Berjanji di mana royalti-royalti itu terbit, dan mengikut undang-undang Negara Berjanji itu. Bagaimanapun, jika penerima itu ialah pemunya benefisyal royalti-royalti itu:

(a) berkenaan dengan Malaysia:

(i) cukai yang dicaj sedemikian tidak boleh melebihi 15 peratus daripada amaun kasar royalti-royalti itu; dan

- (ii) royalti-royalti perindustrian yang diluluskan yang diperolehi dari Malaysia oleh seorang pemastautin Filipina hendaklah dikecualikan daripada cukai;
- (b) berkenaan dengan Filipina:
- cukai yang dicaj sedemikian tidak boleh melebihi:
- (i) 15 peratus daripada amaun kasar royalti-royalti jika royalti-royalti itu dibayar oleh suatu enterprais berdaftar dan juga royalti-royalti yang ditakrifkan dalam perenggan 4(a)(ii); dan
 - (ii) 25 peratus daripada amaun kasar royalti-royalti dalam segala hal lain.
3. Royalti-royalti yang diperolehi oleh seorang pemastautin Filipina, iaitu royalti-royalti yang, sebagai sewaan filem, adalah tertakluk kepada Juti sewa-filem wayang gambar di Malaysia, tidak boleh dikenakan cukai Malaysia.
4. (a) Istilah "royalti-royalti" sebagaimana digunakan dalam perkara ini ertinya apa-apa jenis bayaran yang diterima sebagai balasan kerana:
- (i) penggunaan, atau hak untuk mengguna, apa-apa paten, cap dagangan, rekabentuk atau model, pelan, formula atau proses rahsia, apa-apa hakcipta karya sastera, pekerjaan seni atau sains, atau kerana penggunaan, atau hak untuk mengguna, kelengkapan perindustrian, perdagangan atau sains, atau kerana maklumat berkenaan dengan pengalaman perindustrian, perdagangan atau sains;
 - (ii) penggunaan, atau hak untuk mengguna, filem-filem wayang gambar, atau pita-pita untuk siaran radio atau televisyen.
- (b) Istilah "royalti-royalti perindustrian yang diluluskan" sebagaimana digunakan dalam perkara ini ertinya royalti-royalti yang dimasukkan dalam takrif dalam perenggan-kecil 4(a)(i) yang diluluskan dan perakui oleh pihak berkuasa yang kompeten bagi Malaysia sebagai kena dibayar bagi maksud menggalakkan kemajuan perindustrian di Malaysia dan yang kena dibayar oleh sesuatu enterprais yang kesemuanya atau terutamanya mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti yang termasuk dalam satu daripada kelas-kelas yang berikut:
- (i) pengilangan, pemasangan atau pemerosesan;
 - (ii) pembinaan, kejuruteraan awam atau pembinaan kapal; atau
 - (iii) elektrik, kuasa haiderol, gas atau bekalan air.

- (c) Istilah "enterpris berdaftar" sebagaimana digunakan dalam Perkara ini ertinya sesuatu enterpris yang didaftarkan dalam Lembaga Pelaburan Filipina dan mengambil bahagian dalam kawasan-kawasan kegiatan yang diutamakan.

5. Peruntukan-peruntukan perenggan-perenggan 1 dan 2 tidak boleh dipakai jika penerima royalti-royalti itu, yang adalah seorang pemastautin suatu Negara Berjanji, mempunyai dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu di mana royalti-royalti itu terbit suatu establisymen tetap yang bersangkutan secara berkesan dengan hak atau harta yang berkenaan dengannya royalti-royalti itu terbit. Dalam hal yang sedemikian, peruntukan-peruntukan Perkara 7 hendaklah dipakai.

6. Royalti-royalti hendaklah disifatkan sebagai terbit dalam suatu Negara Berjanji jika pembayar itu adalah Negara Berjanji itu sendiri, suatu bahagian-kecil politik, suatu pihak berkuasa tempatan atau badan berkanunnya, atau seorang pemastautin Negara Berjanji itu. Walau bagaimanapun, jika orang yang membayar royalti-royalti itu, sama ada ia seorang pemastautin bagi suatu Negara Berjanji atau bukan, mempunyai dalam suatu Negara Berjanji suatu establisymen tetap yang berkenaan dengannya tanggungan untuk membayar royalti-royalti itu telah dilakukan, dan royalti-royalti itu ditanggung oleh establisymen tetap itu, maka royalti-royalti itu hendaklah disifatkan sebagai terbit dalam Negara Berjanji di mana establisymen tetap itu terletak.

7. Jika, oleh kerana suatu perhubungan khas antara pembayar dengan penerima atau antara kedua-dua mereka dengan seseorang lain, amaun royalti-royalti yang dibayar, dengan memberi perhatian kepada penggunaan, hak atau maklumat yang kerananya royalti-royalti itu dibayar, adalah lebih daripada amaun yang tentu akan dipersetujui oleh pembayar dan penerima itu jika tidak ada perhubungan itu, maka peruntukan-peruntukan Perkara ini hendaklah dipakai hanya bagi amaun yang disebut terakhir itu sahaja. Dalam hal yang sedemikian, bahagian bayaran yang berlebihan itu tetaplah kena cukai mengikut undang-undang tiap-tiap satu Negara Berjanji, dengan memberi perhatian yang sewajarnya kepada peruntukan-peruntukan yang lain dalam Perjanjian itu.

Perkara 13

Laba Dari Pemberian Milik Harta

1. Laba daripada pemberian milik harta takalih, sebagaimana ditakrifkan dalam perenggan 2 Perkara 6, boleh dicukai dalam Negara Berjanji di mana harta itu terletak.

2. Laba daripada pemberian milik harta alih yang menjadi sebahagian daripada harta perniagaan suatu establisymen tetap yang dipunyai oleh suatu enterpris bagi suatu Negara Berjanji dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu atau laba daripada pemberian milik harta alih berkenaan dengan suatu asas tetap yang disediakan kepada seorang pemastautin bagi suatu Negara Berjanji di Negara Berjanji yang satu lagi itu bagi maksud melaksanakan perkhidmatan-perkhidmatan profesional, termasuk apa-apa laba daripada pemberian milik sesuatu establisymen tetap itu (pertubuhan itu sahaja atau bersama-sama dengan enterpris itu kesemuanya) atau daripada pemberian milik suatu asas tetap boleh dicukai dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu. Bagaimanapun, laba daripada pemberian milik kapal-kapal atau kapaludara yang dikendalikan oleh suatu enterpris bagi suatu Negara Berjanji dalam lalu lintas antarabangsa dan harta alih

berhubung dengan pengendalian kapal-kapal atau kapaludara itu boleh dikenakan cukai hanya dalam Negara Berjanji di mana enterprais itu adalah seorang pemastautin.

3. Laba daripada pemberian milik syer-syer sesuatu syarikat yang hartanya mengandungi pada sebahagian besarnya harta takalih yang terletak dalam suatu Negara Berjanji, boleh dicukai dalam Negara Berjanji itu. Laba daripada pemberian milik suatu kepentingan dalam perkongsian atau amanah, yang hartanya mengandungi pada sebahagian besarnya harta takalih terletak dalam suatu Negara Berjanji, boleh dicukai dalam Negara Berjanji itu.

4. Laba daripada pemberian milik apa-apa harta atau aset, lain daripada apa yang tersebut dalam perenggan-perenggan 1, 2 dan 3 Perkara ini boleh dikenakan cukai hanya dalam Negara Berjanji di mana pemberimilik itu adalah seorang pemastautin.

Perkara 14

Perkhidmatan Diri

1. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perkara-perkara 15, 17, 18, 19 dan 20 gaji, upahan dan saraan atau pendapatan serupa itu yang diperolehi oleh seorang pemastautin bagi suatu Negara Berjanji berkenaan dengan perkhidmatan-perkhidmatan profesional atau lain-lain aktiviti yang serupa sifatnya, boleh dikenakan cukai hanya dalam Negara Berjanji itu melainkan jika perkhidmatan-perkhidmatan atau aktiviti-aktiviti itu dijalankan atau dilaksanakan dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu. Jika pekerjaan, perkhidmatan-perkhidmatan atau aktiviti-aktiviti itu dijalankan atau dilaksanakan sedemikian itu, maka apa-apa saraan atau pendapatan yang diperolehi daripadanya boleh dicukai dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu.

2. Walau apa pun peruntukan-peruntukan perenggan 1, saraan atau pendapatan yang diperolehi oleh seorang pemastautin bagi suatu Negara Berjanji berkenaan dengan pekerjaan, perkhidmatan-perkhidmatan atau aktiviti-aktiviti yang dijalankan atau dilaksanakan dalam mana-mana tahun kalendar dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu boleh dikenakan cukai hanya dalam Negara Berjanji yang mula-mula disebut itu, jika

- (a) penerima berada dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu selama suatu tempoh atau tempoh-tempoh yang jumlah kesemuanya tidak lebih daripada 183 hari dalam tahun kalendar yang berkenaan itu, dan
- (b) perkhidmatan-perkhidmatan atau aktiviti-aktiviti itu dijalankan atau dilaksanakan untuk atau bagi pihak seseorang yang menjadi pemastautin Negara Berjanji yang disebut terdahulu itu, dan
- (c) saraan atau pendapatan itu tidak ditanggung oleh suatu establisymen tetap yang orang yang membayar saraan itu punyai di dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu.

3. Istilah "perkhidmatan-perkhidmatan profesional" termasuklah aktiviti-aktiviti sains, kesusasteraan, kesenian, pendidikan atau pengajaran yang bebas dan juga aktiviti-aktiviti bebas bagi doktor pakar perubatan, peguam, jurutera, arkitek, dentis dan akauntan.

4. Walau apa pun peruntukan-peruntukan tersebut di atas dalam perkara ini, saraan berkenaan dengan sesuatu pekerjaan yang dijalankan di atas kapal atau kapal udara yang dikendalikan dalam lalulintas antarabangsa oleh suatu enterprais bagi suatu Negara Berjanji itu.

Perkara 15

Fee Pengarah-Pengarah

